



100-14/4/5

Ruj. Kami : ARKIB 100-1/7/1 JLD 12 (39)
Tarikh : 19 Februari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Ketua Pengurusan Perusahaan Kerajaan



YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan ,

PEMAKLUMAN PEMAKAIAN JADUAL PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan telah selesai menyediakan dan mencetak buku Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023 yang akan digunakan bagi tujuan pelupusan rekod-rekod kewangan dan perakaunan di kementerian, jabatan serta agensi yang terikat dengan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).
3. Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan Edisi 2023 ini disediakan bagi tujuan menambahbaik kandungan, tempoh pemusnahan dan tindakan pelupusan yang selaras dengan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) serta penyesuaian kepada inisiatif pendigitalan negara. Jadual ini juga turut mengenalpasti beberapa rekod kewangan dan perakaunan yang perlu disimpan kekal di Arkib Negara Malaysia kerana ianya memiliki nilai sejarah, kewangan dan perakaunan serta berguna untuk rujukan di masa akan datang.
4. Untuk pengetahuan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, tarikh kuatkuasa pemakaian Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023 ini adalah **SERTA MERTA** dan dengan ini penggunaan buku Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan edisi 2008 adalah terbatal.
5. Sehubungan itu, pejabat awam bolehlah melaksanakan tindakan pelupusan bagi rekod kewangan dan perakaunan yang telah mencapai tempoh simpanan yang telah ditetapkan dengan merujuk pada Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023. Pejabat awam yang berminat mendapatkan salinan digital buku ini, boleh melayari portal Arkib Negara Malaysia di www.arkib.gov.my dan buku ini juga boleh dibeli dengan harga RM 20.00 senaskah daripada Unit Penerbitan, Arkib Negara Malaysia yang boleh dihubungi melalui talian 0362090695 / samb. 614.

.../2.

ARKIB 100-1/7/1 JLD 12 (39)

6. Justeru, saya amat berharap agar perkara ini mendapat perhatian sewajarnya daripada YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan serta dipanjangkan ke semua agensi di bawah kementerian dan jabatan. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Seksyen Pelupusan Rekod, Arkib Negara Malaysia di alamat email spr@arkib.gov.my atau talian telefon, seperti berikut: 0362090600 samb. 1701/ 1723/ 1729/ 1730/ 1738 dan 1739.


Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai.

Sekian untuk makluman. Terima Kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang Menjalankan Amanah,


(DATO' JAAFAR SIDEK BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia

s.k.: **Ketua Setiausaha Negara**

Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan, No.1, Persiaran Perdana, Presint 2, 62594 Putrajaya.

**Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia**

Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F, Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62000 Putrajaya.

**Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Ibu Pejabat SPRM
No. 2, Lebuhraya Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.